

15 MAY 2001

SUKAN: LARIAN OBOR SUKAN SEA KE-21 IKUTI PERHIMPUNAN HARI BELIA

IPOH, 15 Mei (Bernama) -- Larian Obor Sukan SEA ke-21 yang masuk hari ke sembilan di Perak hari ini dibawa masuk ke Stadium Perak bersempena dengan Perhimpunan Hari Belia Negara 2001 malam ini.

Kira-kira 30,000 menghadiri perhimpunan itu yang dirasmikan oleh Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad.

Larian hari ini telah bermula pukul 8.30 pagi di Dataran Ipoh dengan permulaan larian oleh Datuk Bandar Ipoh, Datuk Talaat Husin.

Larian tersebut kemudian melalui beberapa jalan utama di sini dan melalui jabatan-jabatan kerajaan, antaranya pejabat Kumpulan Wang Simpanan Pekerja (KWSP), Bangunan Perak Darul Ridzuan, ibu pejabat polis Ipoh, stesyen bas, pengkalan Tentera Udara Diraja Malaysia (TUDM) dan berakhir di Kompleks Belia dan Sukan Ipoh.

Peserta larian yang mengambil bahagian terdiri daripada kakitangan jabatan kerjajaan, anggota-anggota TUDM, pelajar sekolah dan pekerja kilang.

Turut serta dalam larian itu ialah Setiausaha Kerajaan Negeri Perak, Ketua Polis Perak, Pengarah JKR, dan Pengarah Imigresen.

-- BERNAMA

PBA ZB